



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**UCAPAN TAKZIAH DARIPADA BADAN KEHAKIMAN MALAYSIA DI ATAS
PEMERGIAN TUN SALLEH BIN ABAS, MANTAN KETUA HAKIM NEGARA**

YAA Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara mewakili Badan Kehakiman dan seluruh warga kerjanya mengucapkan takziah kepada seluruh keluarga Tun Salleh bin Abas, mantan Ketua Hakim Negara di atas pemergian ke rahmatullah Allahyarham Tun pada pagi Sabtu, 16 Januari 2021. Seluruh warga Kehakiman mendoakan semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala mencucuri rahmatNya dan memberi keampunan ke atas roh Allahyarham Tun dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan beramal soleh.

Pemergian Allahyarham merupakan kehilangan yang amat besar terutama kepada Badan Kehakiman Malaysia. Allahyarham Tun telah banyak berjasa kepada Badan Kehakiman Malaysia sepanjang tempoh perkhidmatan Allahyarham Tun sebagai Ketua Hakim Negara. Sesungguhnya pemergian Allahyaham Tun merupakan satu kehilangan yang amat dirasai oleh seluruh warga Kehakiman khasnya dan negara amnya.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: **16 Januari 2021**